



PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT SULONG  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
Faks : 03-2698 9218  
Emel : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

2 Julai 2019

**KENYATAAN MEDIA YB DATUK DR NORAINI AHMAD,  
PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT  
SULONG BERHUBUNG PEMBENTANGAN MAKLUM BALAS  
KEMENTERIAN KEWANGAN TERHADAP LAPORAN PAC  
PARLIMEN**

- 1) Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen akan memperkenalkan Mesyuarat Pembentangan Maklum Balas Kementerian Kewangan (MOF) terhadap Laporan PAC Parlimen dalam memastikan Kerajaan memaklumkan kepada Jawatankuasa ini, atas setiap tindakan yang diambil terhadap rumusan dan syor dalam Laporannya
  
- 2) Melalui mesyuarat ini, MOF sebagai Kementerian yang mewakili Kerajaan serta bertanggungjawab secara langsung kepada PAC Parlimen akan membentangkan maklum balas serta tindakan yang sudah diambil, hasil daripada rumusan serta syor yang terdapat dalam Laporan Jawatankuasa ini, ketika dibentangkan di Dewan Rakyat.

- 3) Jawatankuasa ini, hendak mengetahui malah rakyat sendiri mahu mengetahui apakah rumusan serta syor yang diputuskan oleh PAC sepanjang prosiding / siasatan terhadap isu-isu, benar-benar diambil tindakan? Jika diambil tindakan, sejauh manakah penyelesaiannya?
- 4) Pengenalan pembentangan ini, sebenarnya menggunakan punca kuasa yang terkandung dalam Arahan Perbendaharaan (AP) 304 (b) yang jelas menyebut... “*Apabila Jawatankuasa Akaun Awam telah menyampaikan laporannya kepada Badan Perundangan, salinan tiap-tiap satu perenggan laporan itu hendaklah juga dihantar kepada Pegawai Pengawal yang berkenaan. Jika laporan itu menghendaki tindakan diambil, Pegawai Pengawal itu hendaklah mengambil langkah mematuhiinya. Pegawai Pengawal itu hendaklah kemudiannya melaporkan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan kedudukan semasa mengenai tiap-tiap perenggan yang dirujukkan kepadanya. Ketua Setiausaha Perbendaharaan hendaklah kemudiannya menghantar kepada Jawatankuasa Akaun Awam suatu memorandum muktamad mengenai perkara yang disebutkan dalam Laporan Jawatankuasa ini.*”
- 5) Sebelum ini, MOF ada menghantar maklum balas terhadap rumusan serta syor Laporan PAC Parlimen tetapi ia dilakukan secara bertulis kepada PAC Parlimen. Tiada sebarang pembentangan dibuat menyebabkan ahli-ahli PAC Parlimen tidak dapat mengetahui maklum balas berkenaan dengan lebih terperinci serta mendalam.
- 6) Melalui mesyuarat pembentangan ini juga, ahli-ahli PAC Parlimen berpeluang untuk bertanyakan soalan terhadap setiap maklum balas yang diambil berdasarkan rumusan serta syor daripada Laporan Jawatankuasa ini.

- 7) Buat permulaan, PAC Parlimen menetapkan 16 Julai ini, bagi MOF hadir dalam mesyuarat pembentangan maklum balas ini, dan surat sudah dihantar ke Ketua Setiausaha Perbendaharaan.
- 8) Dalam mesyuarat pada 16 Julai ini, Jawatankuasa ini memohon supaya MOF membentangkan maklum balas terhadap rumusan serta syor Laporan PAC berhubung Pengurusan Projek Pembangunan Semula Kemudahan Sedia Ada di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, Kuala Lumpur (Projek 1) di Bawah Kaedah *Public Private Partnership* di bawah Kementerian Belia dan Sukan serta Laporan PAC berhubung Pengurusan Marina Awam di bawah Kementerian Pengangkutan.
- 9) Kedua-dua laporan ini, sudah dibentangkan ketika Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas yang berlangsung antara Mac dan April 2019.
- 10) Selepas mendengar pembentangan maklum balas ini, saya dan ahli-ahli PAC Parlimen akan berbincang sama ada maklum balas ini perlu dibentangkan ke Dewan Rakyat atau tidak, bagi membolehkannya menjadi dokumen awam serta boleh diakses oleh rakyat.
- 11) Bagaimanapun, keputusan untuk membentangkan laporan maklum balas ini, terletak dalam bidang kuasa Speaker Dewan Rakyat dan saya akan berbincang dengan beliau terlebih dahulu sekiranya, PAC Parlimen membuat keputusan untuk membentangkan laporan maklum balas ini di Dewan Rakyat.
- Sekian terima kasih.